

1. PENGENALAN

Unit Farmasi dan Bekalan merupakan salah satu unit sokongan klinikal yang ditubuhkan bersama penubuhan Hospital Sungai Siput pada tahun 1995. Unit ini terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu Farmasi Pesakit Luar, Farmasi Pesakit Dalam, Farmasi Wad dan Farmasi Logistik.

Unit Farmasi dan Bekalan mempunyai kekuatan anggota seramai 32 orang dengan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Farmasi UF14 dan dibantu 31 orang anggota termasuk lantikan kontrak yang terdiri dari pelbagai kategori jawatan:

- 12 Pegawai Farmasi UF12/13/14;
- 5 Pegawai Farmasi Kontrak UF9/10;
- 1 Penolong Pegawai Farmasi U6;
- 6 Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK)/5;
- 2 Pembantu Tadbir N1; dan
- 5 Pembantu Khidmat Am H1;

Farmasi Pesakit Luar diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi UF14 dan dibantu oleh 4 orang Pegawai Farmasi tetap UF12/13/14, 4 orang Pegawai Farmasi kontrak UF9/10, 4 orang Penolong Pegawai Farmasi U6/6(TBK1)/5 serta 2 orang Pembantu Khidmat Am H1;

Farmasi Pesakit Dalam terdiri daripada Farmasi Bekalan Wad dan Farmasi Pengeluaran. Farmasi Bekalan Wad diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi UF13 dan dibantu oleh seorang Pegawai Farmasi UF12 dan seorang Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK1)/5. Farmasi Pengeluaran pula diuruskan oleh seorang Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK1)/5. Terdapat seorang Pegawai Farmasi UF14 dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK) yang bertugas sepenuh masa dalam pengurusan stor unit Farmasi Pesakit Luar dan Farmasi Pesakit Dalam Hospital Sungai Siput.

Farmasi Wad diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi UF13 dan dibantu oleh seorang Pegawai Farmasi UF12 dan seorang Pegawai Farmasi kontrak UF10 yang masing-masing bertugas di wad perubatan perempuan dan lelaki;

Farmasi Logistik diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi U13 dan dibantu oleh seorang Pegawai Farmasi UF12, 2 orang Pembantu Tadbir N1 dan 3 orang Pembantu Khidmat Am H1 (termasuk seorang Pembantu Khidmat Am yang dipinjamkan sementara oleh pihak pengurusan).

Fungsi utama Unit Farmasi dan Bekalan adalah untuk membekalkan produk termasuk ubat-ubatan dan alat perubatan pakai buang (*disposables*) & guna habis (*consumables*) yang berkualiti, selamat dan berkesan kepada semua pesakit serta menggalakkan penggunaan ubat-ubatan secara rasional bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat dengan berlandaskan Dasar Ubat Nasional.

2. VISI, MISI, GOAL & OBJEKTIF

2.1 VISI

Meningkatkan kesihatan rakyat menerusi kecemerlangan dalam amalan farmasi.


2.2 MISI

- 2.2.1 Menguatkuasakan undang-undang dan memperbaharui polisi untuk memastikan produk dan perkhidmatan farmaseutikal adalah berkualiti.
- 2.2.2 Memastikan sistem organisasi yang efektif dan responsif ke arah kelestarian perkhidmatan berkualiti.
- 2.2.3 Membina keupayaan dan profesionalisme menerusi pembangunan bakat dan pemerkasaan tenaga kerja.
- 2.2.4 Memperhebat kerjasama ke arah mencapai piawaian dan amalan terbaik.

2.3 GOAL & OBJEKTIF

- 2.3.1 Memastikan kebolehcapaian berterusan terhadap ubat-ubatan berkualiti, selamat dan kos efektif.
- 2.3.2 Memperkukuh penggunaan ubat-ubatan secara berkualiti dan rasional ke arah kesihatan yang lebih baik.
- 2.3.3 Meningkatkan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal selaras dengan piawaian dan amalan terbaik.
- 2.3.4 Memastikan pengurusan sumber yang efisien dan cemerlang.

3. CARTA ORGANISASI UNIT



4. PERJAWATAN

4.1 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN HAKIKI

Jawatan	Gred	Bil Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Pegawai Farmasi	UF9/10/12/13/14	15*	13	2
Penolong Pegawai Farmasi	U6	1	1	0
Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK)/6(TBK1)/5	6	6	0
Pembantu Tadbir (P/O)	N1	2	2	0
Pembantu Khidmat Am	H1	5*	5	0
JUMLAH		29	27	2

*kelulusan tambahan dua post perjawatan PF

*seorang PKA dipinjam sementara dari unit pengurusan

Bil	Nama	Jawatan	Gred
1.	Nurul Akhmam Binti Abdullah	Ketua Pegawai Farmasi	UF14
2.	Chai Pey Shan	Pegawai Farmasi	UF14
3.	Noor Asyrul Fazly Bin Ahmad	Pegawai Farmasi	UF14
4.	Ooh Wei Hon	Pegawai Farmasi	UF13
5.	Teoh Lee Rhui	Pegawai Farmasi	UF13
6.	Zulhusna Binti Rozali	Pegawai Farmasi	UF13
7.	Chan Wai Toong	Pegawai Farmasi	UF13
8.	Noor Aridza Binti Amran	Pegawai Farmasi	UF13
9.	Mohamad Faizal Bin Mansor@Din	Pegawai Farmasi	UF13
10.	Nur Faizah Binti Mohamad Ariff	Pegawai Farmasi	UF12
11.	Desmond Poh Kah Man	Pegawai Farmasi	UF12

12.	Choong Khai Sin	Pegawai Farmasi	UF12
13.	Shalina Binti Abdul Manap	Pegawai Farmasi	UF12
14.	Mohd Yuzaim Bin Abd Ghafar	Penolong Pegawai Farmasi	U6
15.	Noorazian Binti Abu	Penolong Pegawai Farmasi	U6 (TBK)
16.	Nor Azira Binti Ahmad Nordin	Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK1)
17.	Nur Syafinaz Binti Hamzah	Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK1)
18.	Norlizawati Binti Mohamad Yusof	Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK1)
19.	Meor Ibrahim Bin Ismail	Penolong Pegawai Farmasi	U5
20.	Ainul Zalillah Binti Arohman	Penolong Pegawai Farmasi	U5
21.	Nor Fazlana Binti Mohamad Salleh	Pembantu Tadbir (P/O)	N1
22.	Nur Amanina Binti Ahmad Mustaffa	Pembantu Tadbir (P/O)	N1
23.	Nor Hasida Binti Abd Kadir	Pembantu Khidmat Am	H1
24.	Mastura Binti Sohob	Pembantu Khidmat Am	H1
25.	Gaithiri A/P Jayapragasam	Pembantu Khidmat Am	H1
26.	Md. Isa Bin Zakaria	Pembantu Khidmat Am	H1
27.	Jamar Huri Bin Mohamad Mokhtar*	Pembantu Khidmat Am	H1

*seorang PKA dipinjam sementara dari unit pengurusan

Tarikh Kemaskini: 7 Januari 2025

4.2 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN KONTRAK

Jawatan	Gred	Bil Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Pegawai Farmasi (Kontrak)	U9/10	5	5	0
JUMLAH		5	5	0

Bil	Nama	Jawatan	Gred
1.	Ranina Binti Mohd Tajuladnan	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
2.	Chong Kar Yee	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
3.	Nurul Aisyah Binti Mohd Nazri	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
4.	Nurhazirah Binti Mahdan	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF9
5.	Lee Sher Lynn	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF9

Tarikh Kemaskini: 7 Januari 2025

5. SKOP PERKHIDMATAN / FUNGSI UTAMA UNIT

5.1 FARMASI PESAKIT LUAR

• SKOP PERKHIDMATAN

Unit Farmasi Pesakit Luar bertanggungjawab untuk membekalkan ubat-ubatan kepada pesakit luar di Hospital Sungai Siput. Ia merupakan Farmasi Ambulatori yang memberikan perkhidmatan farmasi yang komprehensif kepada pelanggan yang mendapat rawatan sebagai pesakit luar. Farmasi Pesakit Luar Hospital Sungai Siput komited dalam memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkesan, selamat dan berkualiti dalam pelbagai bidang farmakoterapi seperti *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC), Kaunseling Ubat-ubatan dan Rawatan Terapi Gantian (RTG) Methadone di samping mendipens ubat-ubatan kepada pesakit. Perkhidmatan Nilai Tambah (*Value Added Service* - VAS) turut disediakan sebagai kemudahan pesakit mengambil ubat.

- **FUNGSI UTAMA**

- Pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit luar
 - Pendispensan ubat-ubatan kepada pesakit luar
 - Pembekalan ubat-ubatan psikotropik kepada pesakit luar/dalam mengikut preskripsi
 - Pendispensan ubat-ubatan secara SPUB (Sistem Pendispensan Ubat-ubatan Bersepadu)
 - Perkhidmatan Nilai Tambah (*Value Added Service* - VAS)
 - Pengeluaran dan pembungkusan semula ubat-ubatan
- Perkhidmatan kaunseling mengenai ubat-ubatan kepada pesakit luar
 - Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit luar
- Perkhidmatan farmasi penjagaan ambulatori
 - Pendispensan terapi gantian sirap methadone
 - Perkhidmatan MTAC
 - Farmakoterapi Berhenti Merokok
- Pengurusan stok ubat dan bukan ubat di stor unit farmasi
 - Pemesanan, penerimaan dan penyimpanan stok ubat dan bukan ubat dari Farmasi Logisitk
 - Pengeluaran stok dari stor unit
 - Pengendalian Ubat Hampir Tarikh Luput/ Lambat Bergerak
 - Pelupusan stok
 - Pemeriksaan dan pengawalan stok ubat dan bukan ubat di stor unit farmasi
 - Pengendalian Aduan Produk dan Panggil Balik Produk
- Perkhidmatan membekalkan maklumat ubat-ubatan

- Membekalkan maklumat ubat-ubatan yang bebas dan berdasarkan bukti kepada pengamal penjagaan kesihatan, pesakit dan orang awam
- Pemantauan berterusan terhadap kualiti dan keselamatan produk ubat-ubatan
 - Pelaporan kejadian *Adverse Drug Reaction* (ADR)
 - Pelaporan kejadian *Medication Error* (ME)
 - Pelaporan kejadian *Adverse Events Following Immunization* (AEFI)

5.2 FARMASI PESAKIT DALAM

• SKOP PERKHIDMATAN

Unit Farmasi Pesakit Dalam terdiri daripada Farmasi Bekalan Wad dan Farmasi Pengeluaran. Bahagian ini bertanggungjawab memberikan perkhidmatan farmasi yang komprehensif dengan membekalkan ubat-ubatan kepada pesakit dalam yang mendapatkan rawatan di wad Hospital Sungai Siput.

• FUNGSI UTAMA

- Pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit dalam serta unit/ wad
 - Pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit dalam wad secara Sistem Unit Dose.
 - Pembekalan ubat-ubatan *Floor Stock, After Office Hours* atau/ dan *Emergency Trolley* kepada unit/ wad di hospital.
 - Pembekalan ubat-ubatan psikotropik kepada unit/ wad di hospital.
 - Penyediaan ubat-ubatan secara bukan steril (galenikal dan ekstemporanus)
- Perkhidmatan farmasi klinikal

- Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (*Clinical Pharmacokinetic Service*)
- Pemantauan berterusan terhadap kualiti dan keselamatan produk ubat-ubatan
 - Pelaporan kejadian *Adverse Drug Reaction* (ADR).
 - Aktiviti Keselamatan Pengubatan dan Pelaporan kejadian *Medication Error* (ME).
 - Pelaporan kejadian *Adverse Events Following Immunization* (AEFI)
- Pemeriksaan terhadap ubat-ubatan di unit/ wad hospital
 - Menjalankan pemeriksaan terhadap ubat-ubatan yang disimpan di unit/ wad secara berkala.

5.3 FARMASI WAD

• SKOP PERKHIDMATAN

Unit Farmasi Wad bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkesan, selamat dan berkualiti dalam pelbagai bidang farmakoterapi seperti melakukan *Case Clerking* dan *Medication History Assessment* (MHA) serta kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit dalam dan pesakit discaj.

• FUNGSI UTAMA

- Perkhidmatan kaunseling mengenai ubat-ubatan kepada pesakit dalam
 - Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit dalam wad (*Bedside Counselling*).
 - Perkhidmatan kaunseling kepada pesakit dalam wad yang akan discaj (*Discharge Counselling*).

- Perkhidmatan farmasi wad/ klinikal
 - Menjalankan *Medication History Assessment* (MHA) terhadap pesakit dalam wad.
 - *Case clerking*.
 - Perkhidmatan klinikal dengan menyertai *ward round*.

5.4 FARMASI LOGISTIK

• SKOP PERKHIDMATAN

Unit Farmasi Logistik berperanan dalam menguruskan perolehan dan bekalan stok kepada kesemua unit pengguna di Hospital Sungai Siput dengan berpandukan Arahan Perbendaharaan, Tatacara Pengurusan Stor serta Pekeliling Perolehan semasa. Bekalan stok yang diuruskan meliputi stok ubat-ubatan termasuk vaksin, bukan ubat (*consumables* dan *disposables*) dan gas perubatan. Farmasi Logistik komited dalam membekalkan barangan yang selamat dan berkualiti dengan pematuhan kepada piagam pelanggan.

• FUNGSI UTAMA

- Perolehan Stok
 - Perolehan Secara *Online* Dengan Syarikat Konsesi.
 - Perolehan Secara Pembelian Terus
 - Perolehan Secara Kontrak
 - Perolehan Secara Sebutharga
 - Perolehan Secara Pembelian Darurat
 - Pengurusan Pembayaran
- Pengurusan Stok
 - Penerimaan Barangan
 - Penstoran/ Penyimpanan Barangan
 - Pengeluaran Barangan
 - Pengendalian Ubat Bertarikh Luput/ Lambat Bergerak



- Pelupusan Barangan
- Pemeriksaan dan Verifikasi Stok
- Pengendalian Aduan Produk dan Panggil Balik Produk

6. PIAGAM PELANGGAN

6.1 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

• FARMASI PESAKIT LUAR

- ✚ Memastikan ubat-ubatan yang betul dibekalkan tidak melebihi 30 minit bagi preskripsi yang lengkap diterima.






Bil 1/2024




Bil 2/2024

• FARMASI PESAKIT DALAM

- ✚ Memastikan pembekalan ubat ke wad/ unit bagi preskripsi/ pesanan yang lengkap diterima dalam tempoh masa 4 jam dalam waktu pejabat.




Bil 1/2024




Bil 2/2024

• FARMASI LOGISTIK

- Membekalkan item standard kepada pemesan tidak melebihi 14 hari bekerja selepas pesanan yang lengkap diterima.




Bil 1/2024




Bil 2/2024

-  Membekalkan item bukan standard kepada pemesan selepas pesanan lengkap diterima tidak melebihi 5 hari bekerja selepas bekalan diterima di Unit Farmasi Logistik.



Bil 1/2024



Bil 2/2024


7. LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

7.1 KURSUS

- Sebanyak 2 kursus dan 5 sesi pembelajaran berterusan iaitu CME anjuran unit Farmasi dan Bekalan telah berjaya diadakan sepanjang tahun 2024.
- Berikut merupakan senarai kursus dan CME dalaman yang dianjurkan oleh unit Farmasi dan Bekalan sepanjang tahun 2024;


Bil	Tarikh	Kursus
1.	9.05.2024	Kursus Keselamatan Pengubatan Sesi 1/2024 HSS
2.	21.11.2024	Seminar <i>Hand Hygiene</i> dan Kesedaran Kerintangan Antimikrobial Peringkat HSS
Bil	Tarikh	CME Farmasi
1.	03.05.2024	Latihan Phis Modul Inpatient
2.	06.05.2024	Latihan Phis Modul Outpatient
3.	19.07.2024	Sesi Coffee Talk TDM - Introduction To TDM - Case Study - Gentamicin
4.	05.08.2024	Taklimat Audit Kendiri Keselamatan Pengubatan
5.	20.11.2024	- Case Presentation: Pulmonary Emphysema Disease - Taklimat Pemeriksaan Wad/Unit

- Pencapaian latihan anggota Farmasi dan Bekalan 2024;




7.2 MyCPD

- Pencapaian 40 mata (minimum) CPD bagi kategori Pegawai Farmasi Jan-Dis 2024;



- Pencapaian 40 mata (minimum) CPD bagi kategori Penolong Pegawai Farmasi Jan-Dis 2024;



8. AKTIVITI TAHUN 2024

A. Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan Inisiatif Kualiti

1. Ada satu (1) kajian R&D yang dilaksanakan pada tahun 2024 yang bertajuk *Patient's Knowledge, Attitude and Disposing Practice of Unused and Expired Medicines in Outpatient Setting Hospital Sungai Siput* telah berjaya diselesaikan dalam bulan April 2024.
2. Kajian Lean bertajuk Menambahbaik Proses Kerja Permohonan TDM di Unit Pesakit Luar dan Klinik Pakar Untuk Fasilitas Outsource di Hospital Sungai Siput telah diberi peluang untuk menyertai sesi perkongsian e-Poster dalam kategori *Quality Leap Lounge (QLL)* di Konvensyen QA Kebangsaan kali ke-12 yang diadakan pada tarikh 8 – 10 Oktober 2024 yang lalu.
3. Satu (1) laporan audit klinikal bertajuk *Retrospective Audit on Usage of Third Generation Cephalosporins in Adult Wards at Hospital Sungai Siput (January 2022 to June 2023)* telah berjaya diterbitkan dalam *Perak Technical Report 2024*.

4. Kajian Lean bertajuk Menambahbaik Proses Kerja Penyediaan SPUB di Farmasi Pesakit Luar Hospital Sungai Siput telah dilaksanakan pada tahun 2024 dan masih dalam peringkat pengumpulan data.

B. Aktiviti Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) dan Aktiviti Bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) Hospital Sungai Siput

1. 14 program Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) termasuk aktiviti bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2024.
2. Sebanyak 16 aktiviti dilaksanakan merangkumi aktiviti berikut:
 - a. ceramah - 3
 - b. pameran - 11
 - c. lain - lain aktiviti – 2
3. Rumusan Program Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) termasuk aktiviti bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) peringkat HSS;

Bil	Program	Tarikh	Masa	Tempat	Golongan Sasaran	Bilangan Peserta
1	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena ANSARA <i>Blood Donation Campaign</i> (ABDC) 2024 – sesi 1	2.3.24	10.30 pagi - 4.30 petang	AEON Mall Ipoh Klebang	Orang Awam	30 orang
2	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena ANSARA <i>Blood Donation Campaign</i> (ABDC) 2024 – sesi 2	3.3.24	10.30 pagi - 4.30 petang	AEON Mall Ipoh Klebang	Orang Awam	30 orang

3	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Sambutan <i>International Women Day 2024</i> -sesi 1	9.3.24	10.30 pagi - 3.30 petang	AEON Mall Ipoh Klebang	Orang Awam	30 orang
4	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Sambutan <i>International Women Day 2024</i> -sesi 2	10.3.24	10.30 pagi - 3.30 petang	AEON Mall Ipoh Klebang	Orang Awam	25 orang
5	Kempen Kenali Ubat Anda	14.3.24	9.00 pagi - 12.00 tengah hari	SK RKT Lasah, Sungai Siput	Orang Awam	170 orang
6	Ceramah Keperluan Pendaftaran & Notifikasi: Ubat, Suplemen & Kosmetik	18.4.24	3.00 - 3.30 petang	Hospital Sungai Siput (VC)	Anggota Hospital Sungai Siput	60 orang
7	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Kempen Kesedaran Kesihatan Anjuran Farmasi Muhibbah Jaya	25.5.24	8.30 pagi – 1.00 petang	Dewan Balai Bomba & PenyelamatS ungai Siput	Orang Awam	50 orang
8	Mesyuarat Bersama Duta KUA HSS Bil.1/2024 dan Sesi Perkongsian Modul Tambahan – Buah Pinggang & Ubat	30.7.24	3.00 - 4.30 petang	Bilik Persidangan, Hospital Sungai Siput	Duta KUA Hospital Sungai	6 orang
9	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Sambutan Maulidur Rasul PERKIM Sg Siput	22.9.24	8.30 - 11.30 pagi	Dewan Kg. Temin, Sungai Siput	Orang Awam	50 orang
10	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Karnival Surau Puteh Ismail, Kg Trosor, Sungai Siput	31.10.24	7.30 pagi - 1.00 petang	Surau Puteh Ismail, Kg Trosor, Sungai Siput	Orang Awam	40 orang
11	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Program Vaksinasi HPV	23.11.24	8.30 pagi - 2.30 petang	Farmasi Muhibbah Jaya Sungai Siput	Orang Awam	120 orang

12	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Minggu Kesedaran Antibiotik & Keselamatan Pengubatan Hospital Sungai Siput	26.11.24	8.30 pagi - 12.00 tengah hari	Hospital Sungai Siput	Orang Awam	100 orang
13	Edaran dan Penerangan Meditips	28.11.24	10.00 - 11.00 pagi	Wad Kenanga 2, Hospital Sungai Siput	Pesakit Wad	5 orang
14	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Program Jom Sihat Rahmah	07.12.24	8.00 pagi - 1.00 petang	Dewan Komuniti Chemor	Orang Awam	150 orang

4. Berikut merupakan gambar-gambar semasa aktiviti dijalankan.



AKTIVITI QUMC UNIT FARMASI DAN BEKALAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT



Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Sambutan International Women Day 2024 - sesi 1 di AEON Mall Ipoh Klebang

Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Sambutan International Women Day 2024 - sesi 2 di AEON Mall Ipoh Klebang

AKTIVITI QUMC UNIT FARMASI DAN BEKALAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT



Kempen Kenali Ubat Anda di SK RKT Lasah, Sungai Siput

Ceramah Keperluan Pendaftaran & Notifikasi: Ubat, Suplemen & Kosmetik untuk Anggota HSS

Mesyuarat Bersama Duta KUA HSS Bil.1/2024 dan Sesi perkongsian modul tambahan - Buah pinggang & Ubat





C. Aktiviti *Medication Safety*

1. Satu kursus berkaitan keselamatan pengubatan telah berjaya dianjurkan oleh Unit Farmasi dan Bekalan untuk anggota hospital sepanjang tahun 2024. Kursus tersebut dilaksanakan secara hibrid (bersemuka dan secara dalam talian) di Bilik Persidangan HSS dan dihadiri seramai 93 orang peserta daripada pelbagai kategori jawatan. Butiran kursus adalah seperti jadual di bawah:

Bil	Tarikh	Tajuk
1	09.05.2024	Kursus Keselamatan Pengubatan • <i>Basic Medication Safety Module Part I</i> • <i>Basic Medication Safety Module Part II</i> • <i>Patient Safety</i> • <i>Patient Safety due to Medication</i> • <i>Adverse Drug Reaction Reporting</i> • <i>Handling High Risk Medication</i>

2. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan pengubatan adalah seperti:
 - a. Taklimat Audit Kendiri Keselamatan Pengubatan telah diberikan semasa Mesyuarat *Patient Safety* Bil 2/24 Hospital Sungai Siput pada 5.8.2024
 - b. Pameran Keselamatan Pengubatan diadakan pada 26.11.2024
 - c. Pengeluaran Kad Alahan Ubat Pesakit iaitu sebanyak 45 kad bagi tahun 2024
 - d. Penilaian Status Amalan Keselamatan Pengubatan peringkat HSS telah dilaksanakan dalam bulan September 2024 melibatkan 5 unit iaitu Kecemasan & Trauma, Wad Kenanga 1, Klinik Pakar, Farmasi Pesakit Dalam dan Farmasi Pesakit Luar dengan markah pencapaian keseluruhan adalah 97.47%

3. Gambar aktiviti sepanjang kempen minggu kesedaran keselamatan pengubatan 2024 peringkat Hospital Sungai Siput;



D. Kempen Minggu Kesedaran Antibiotik Hospital Sungai Siput

1. Pameran *Antimicrobial Awareness Week*, *Hand Hygiene* dan Kenali Ubat Anda dengan kolaborasi bersama unit Kawalan Infeksi telah berjaya diadakan pada 26 November 2024 di ruang menunggu pesakit Farmasi Pesakit Luar Hospital Sungai Siput. Seramai 154 pengunjung telah hadir sepanjang pameran tersebut berlangsung mulai jam 8.30 pagi – 12.00 tengah hari.
2. Turut diadakan Seminar Kesedaran *Hand Hygiene* dan Kesedaran Kerintangan Antimicrobial Peringkat Hospital Sungai Siput kepada anggota hospital secara bersemuka di Dewan CME HSS pada 21 November 2024 dengan kehadiran peserta seramai 40 orang.
3. Gambar aktiviti sepanjang kempen minggu kesedaran antibiotik tahun 2024 peringkat Hospital Sungai Siput;



E. Perhimpunan Pagi anjuran unit Farmasi dan Bekalan

1. Aktiviti perhimpunan pagi anjuran unit Farmasi dan Bekalan kolaborasi bersama unit Rekod Perubatan telah dilaksanakan pada 10 Mei 2024. Sambutan perhimpunan pagi kali ini turut dimeriahkan dengan acara majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi penerima APC tahun 2023 peringkat Hospital Sungai Siput.
2. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang berlangsungnya perhimpunan pagi bulan Mei 2024 iaitu;
 - i. Bacaan doa
 - ii. Nyanyian lagu Negaraku, Kebesaran Negeri Perak dan Kami Sedia Membantu
 - iii. Bacaan Ikrar Budaya Korporat KKM
 - iv. Bacaan Pekeliling Perkhidmatan Awam bertajuk Peningkatan Keistimewaan Penderma Darah Di Fasiliti Kesihatan (Hospital, Institusi dan Klinik Kesihatan) Kementerian Kesihatan Malaysia
 - v. Ucapan Ketua Unit
 - vi. Ucapan Pengarah Hospital
 - vii. Pengumuman Anugerah Perkhidmatan Cemerlang HSS Tahun 2023
 - viii. Pengumuman keluar masuk anggota
 - ix. Pengumuman anggota menyambut Hari Jadi sepanjang bulan Mac dan April 2024



F. Sambutan Sempena Perayaan di unit Farmasi dan Bekalan

1. Jamuan Sambutan Tahun Baru Cina dianjurkan oleh unit Farmasi dan Bekalan telah diadakan pada 23 Februari 2024 bertempat di Farmasi Bekalan Wad Hospital Sungai Siput. Jamuan ini hanya dibuat secara dalaman bagi meraikan anggota Farmasi dan Bekalan yang berbangsa Cina. Tidak melibatkan anggota dari unit lain.
2. Jamuan sempena sambutan Hari Raya anjuran unit Farmasi dan Bekalan pula telah diadakan pada 26 April 2024 bertempat di pekarangan laluan depan Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput.
3. Majlis bertambah meriah dengan kehadiran semua anggota Hospital Sungai Siput. Pelbagai juadah termasuk kuih-muih turut disediakan semasa jamuan tersebut.



G. Aktiviti sempena pertukaran keluar anggota farmasi

1. Unit Farmasi dan Bekalan turut mengadakan jamuan perpisahan bagi anggota Farmasi yang bertukar keluar dari Hospital Sungai Siput. Jamuan ini hanya dibuat antara kalangan anggota Farmasi dan Bekalan sahaja. Tidak melibatkan anggota dari unit lain.
2. Berikut adalah anggota Farmasi dan Bekalan yang telah bertukar keluar atau tamat kontrak sepanjang tahun 2024 yang lalu;
 - a. Daisy Rani A/P Peter (04.03.2024)
 - b. Syahirah Aina Akma Binti Shahrul Azlan (04.03.2024)
 - c. Nazliha Binti Meor Ali Zulkepli (11.03.2024)
 - d. Fong Yut Yi @ Foong Kang Yee (13.05.2024)
 - e. Nur Aqilah Idayu Binti Azman (30.12.2024)



H. Aktiviti Pertukaran Hadiah Anggota Unit Farmasi dan Bekalan

1. Aktiviti pertukaran hadiah anggota ini merupakan aktiviti tahunan unit Farmasi dan Bekalan bagi tahun 2024 telah dilaksanakan pada 20 Januari 2024 bertempat di Hotel Casuarina Meru Ipoh.
2. Objektif utama aktiviti tersebut dilaksanakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan siratulrahim sesama anggota Farmasi dan Bekalan tanpa mengira kategori jawatan. Disamping bagi menghargai segala sumbangan yang diberikan oleh setiap anggota terhadap perkhidmatan Farmasi.
3. Keunikan aktiviti ini adalah setiap anggota dikehendaki untuk memberikan 3 *wishlist* hadiah dan anggota lain yang memperolehi *wishlist* tersebut perlu menyediakan hadiah mengikut kemampuan masing-masing.



I. Sambutan harijadi anggota Farmasi dan Bekalan

1. Aktiviti majlis sambutan harijadi anggota turut dilakukan atas inisiatif anggota Farmasi sendiri menerusi jamuan ringkas tapi meriah bagi meraikan rakan sekerja yang tarikh hari lahirnya jatuh dalam bulan berkenaan.
2. Berikut adalah gambar-gambar berkaitan;




9. PENCAPAIAN TAHUN 2024

9.1 LAPORAN MASA MENUNGGU

9.1.1 Sasaran ditetapkan adalah 95% pesakit mendapatkan bekalan ubat dalam tempoh masa kurang daripada 30 minit.


9.1.2 Pencapaian Laporan Masa Menunggu bagi tahun 2024 berjaya mencapai sasaran sepertimana ditetapkan iaitu melebihi 95%.



9.2 LAPORAN PERATUS PEGAWAI FARMASI DAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MENCAPAI KEPERLUAN 40 MATA MAKSIMUM SETAHUN

9.2.1 Sasaran ditetapkan adalah 100%. Keperluan minimum pengumpulan mata CPD setahun yang perlu dicapai bagi tahun 2024 adalah 40 mata.

9.2.2 Pencapaian laporan CPD ini bagi tahun 2024 berjaya mencapai sasaran sepertimana ditetapkan.



9.3 LAPORAN PENCAPAIAN PENGGUNAAN PHIS BAGI SEMUA MODUL

9.3.1 Sasaran ditetapkan adalah $\geq 95\%$ bagi kesemua 11 modul terlibat.


9.3.2 Pencapaian penggunaan PHIS bagi tahun 2024 telah mencapai sasaran ditetapkan kecuali dalam bulan April bagi modul ektemporaneous berikutan ada 3 kertas kerja penyediaan tidak diselesaikan sehingga peringkat pendispensan dalam PHIS.



9.4 LAPORAN KPI PENCAPAIAN PARAS STOK SIMPANAN UBAT OPTIMUM

9.4.1 Sasaran ditetapkan adalah 1 – 3 bulan.


9.4.2 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2024 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



9.5 LAPORAN KPI PERATUS PRESKRIPSI SUSULAN DIDISPENS MELALUI PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH (VAS) BERBANDING PRESKRIPSI SUSULAN DITERIMA

9.5.1 Sasaran ditetapkan adalah $\geq 15\%$.

9.5.2 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2024 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



9.6 PERATUS MENCAPAI PEMATUHAN PENUH $\geq 80\%$ BAGI PENILAIAN AMALAN KESELAMATAN PENGUBATAN

9.6.1 Sasaran ditetapkan adalah $\geq 80\%$.

9.6.2 Penilaian amalan keselamatan pengubatan dijalankan melalui pelaksanaan audit sendiri di peringkat fasiliti dengan menggunakan Borang Penilaian Audit Kendiri Amalan Keselamatan Pengubatan (*Medication Safety Self Assessment Form*) Edisi 2024.


9.6.3 Penilaian audit sendiri ini perlu dilakukan melibatkan 5 lokasi terpilih dalam bulan September dan dipantau secara tahunan.

9.6.4 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2024 mencapai sasaran seperti ditetapkan.



9.7 LAPORAN PENCAPAIAN BILANGAN AKTIVITI KAUNSELING UBATAN KEPADA PESAKIT SEPERTI YANG DITETAPKAN

- 9.7.1 Sasaran ditetapkan adalah mengikut norma sasaran minima kaunseling sehari seperti dalam manual laporan PF iaitu 3-6 sehari (FPL) dan 2-5 sehari (FPD).
- 9.7.2 Pemantauan pencapaian bilangan aktiviti kaunseling dilakukan setiap 3 bulan dalam laporan PF 5.5(a).
- 9.7.3 Pencapaian laporan ini bagi tahun 2024 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



9.8 LAPORAN PENCAPAIAN BILANGAN PENGAMBILAN SEJARAH PENGUBATAN PESAKIT SEMASA KEMASUKAN KE WAD SEPERTI DITETAPKAN

- 9.8.1 Sasaran ditetapkan adalah mengikut norma kerja bilangan CP1 diambil sehari seperti dalam manual laporan PF iaitu 3- 5 pesakit sehari bagi setiap Pegawai Farmasi.
- 9.8.2 Pemantauan pencapaian CP1 dilakukan setiap 3 bulan melalui pelaporan PF 6.3(a).
- 9.8.3 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2024 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



10. BEBAN KERJA DAN STATISTIK

A. FARMASI PESAKIT LUAR

1. Aktiviti Pendispensan Ubat

1.1. Aktiviti pendispensan ubat dijalankan sepanjang waktu operasi Farmasi Pesakit Luar. Farmasi Pesakit Luar beroperasi pada waktu pejabat dan selepas waktu pejabat untuk mendispens ubat kepada pesakit Klinik Lepas Waktu Pejabat (KLWP).

1.2. Waktu operasi Farmasi Pesakit Luar adalah seperti berikut:

a. Hari bekerja:


- 8.00 pagi – 5.00 petang (waktu pejabat); dan
- 6.00 petang – 9.00 malam (selepas waktu pejabat)

b. Hari Sabtu, Ahad, dan Cuti Umum:


- 9.00 pagi – 1.00 petang; dan
- 6.00 petang – 9.00 malam

- 1.3. Terdapat 2 kaunter pendispensan ubat dibuka semasa waktu pejabat dan hanya 1 kaunter pendispensan ubat dibuka selepas waktu pejabat.
- 1.4. **Rajah 1** merupakan carta perbandingan **bilangan preskripsi** dan **bilangan item didispens** pada **waktu pejabat mengikut bulan** pada tahun **2024**.
- 1.5. **Rajah 2** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan preskripsi** yang diterima dan **bilangan item didispens** pada **waktu pejabat** dari **tahun 2022 sehingga 2024**. Terdapat penurunan pada jumlah bilangan preskripsi dan bilangan item didispens yang diterima pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya kerana pembekalan ubat sebanyak 2 bulan diberikan kepada pesakit dan pemindahan sementara Farmasi Pesakit Luar ke JPL mulai 30 Mac sehingga 23 Mei 2024 susulan projek sesalur udara dan sistem pengudaraan di Hospital Sungai Siput.
- 1.6. **Rajah 3** menggambarkan bilangan preskripsi dan bilangan item didispens **selepas waktu pejabat mengikut bulan** pada tahun **2024**.
- 1.7. **Rajah 4** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan preskripsi yang diterima dan bilangan item didispens di luar waktu pejabat dari tahun 2022 sehingga 2024**. Carta menunjukkan trend penurunan bagi jumlah bilangan preskripsi yang diterima di luar waktu pejabat berikutan kaunter Farmasi Pesakit Luar beroperasi sementara di unit Kecemasan untuk sesi lokum mulai 30 Mac sehingga 23 Mei 2024.


Rajah 1




Rajah 2



Rajah 3



Rajah 4




1. Aktiviti Sistem Pendispensan Ubat-ubatan Bersepadu (SPUB)

1.1. SPUB ialah suatu kaedah pendispensan ubat kepada pesakit yang mendapat bekalan ubat separa dengan preskripsi yang mempunyai durasi melebihi 1 bulan. Juga merupakan suatu kaedah rujukan yang seragam dan teratur bagi pembekalan ubat pesakit di mana-mana fasiliti kesihatan KKM mengikut pilihan pesakit.

1.2. **Rajah 5** menunjukkan perbandingan jumlah bilangan preskripsi SPUB diterima dan dirujuk keluar dari tahun 2022 sehingga 2024. Terdapat sedikit penurunan dalam tahun 2024 berbanding tahun 2023 disebabkan pemberhentian sementara rujukan perkhidmatan sistem pembekalan ubat SPUB ke Unit Farmasi Hospital Sungai Siput mulai 30 Mac sehingga 23 Mei 2024 susulan projek sesalur udara dan sistem pengudaraan di Hospital Sungai Siput.

Rajah 5




2. Aktiviti Perkhidmatan Nilai Tambah (*Value Added Services* – VAS)

2.1. Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS) melibatkan preskripsi bekalan separa dan merupakan perkhidmatan pilihan kepada pesakit berdasarkan kriteria yang ditetapkan

2.2. Sistem Temujanji, Ubat Melalui Pos (UMP), Farmasi Pandu Lalu dan Lokar Ubat adalah perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan di HSS. Terdapat penurunan pada pencapaian VAS pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2023 berikutan peningkatan jumlah preskripsi susulan yang diterima akibat kesan gangguan stok bekalan yang banyak berlaku dalam tahun 2023.

2.3. **Rajah 6** menggambarkan **bilangan preskripsi ubat yang didispens secara VAS** di hospital ini **pada tahun 2022-2024**.

Rajah 6




3. Aktiviti Pengeluaran dan Prabungkus

3.1. Farmasi Pesakit Luar menjalankan aktiviti pengeluaran secara prabungkus ubat cecair/ semi solid/ ubat biji.

3.2. Tugas ini dilakukan oleh 2 orang Pembantu Khidmat Am.

3.3. **Rajah 7** menunjukkan perbandingan penghasilan **aktiviti pembungkusan semula bagi ubat internal, eksternal, dan ubat biji** dari tahun 2022 sehingga 2024.

Rajah 7




4. Aktiviti Kaunseling

4.1. Perkhidmatan ini disediakan oleh Pegawai Farmasi yang bertugas di Farmasi Pesakit Luar. Bagi hospital tanpa pakar, sasaran kaunseling individu yang ditetapkan ialah 3 – 6 kaunseling pesakit sehari. Pada tahun 2024, sasaran ini telah tercapai dimana sebanyak 1,124 kaunseling individu telah dilakukan.

4.2. Sebanyak 6 sesi kaunseling berkumpul dengan kehadiran seramai 24 orang pesakit telah berjaya dilakukan sepanjang tahun 2024.

4.3. **Rajah 8** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan sesi kaunseling individu dan berkumpul pesakit luar** yang telah dijalankan dari tahun 2022 sehingga 2024. Didapati mula mempunyai trend penurunan bilangan kaunseling dalam tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2023 berikutan pemindahan sementara Farmasi Pesakit Luar ke JPL mulai 30 Mac sehingga 23 Mei 2024 susulan projek sesalur udara dan sistem pengudaraan di Hospital Sungai Siput.

Rajah 8



5. Aktiviti Pendispensan Terapi Gantian Sirap Methadone


5.1. Pendispensan di Klinik Rawatan Terapi Gantian Metadon dijalankan oleh Pegawai Farmasi sahaja. Namun apabila ketiadaan Pegawai Farmasi disebabkan bercuti atau berkursus, Penolong Pegawai Farmasi yang telah

mendapat sijil pengiktirafan pendispensan methadone akan menggantikan tugas mendispens tersebut.


5.2. **Rajah 9** menunjukkan perbandingan **bilangan pesakit klinik RTG Methadone** dari tahun 2022 sehingga 2024. Carta menunjukkan bilangan pesakit aktif klinik RTG Methadone pada tahun 2024 menunjukkan trend penurunan berbanding tahun sebelumnya.

5.3. **Rajah 10** menunjukkan perbandingan **bilangan dos pendispensan methadone** dari tahun 2022 sehingga 2024.

Rajah 9



Rajah 10



6. Perkhidmatan MTAC

6.1. Terdapat dua (2) jenis perkhidmatan MTAC disediakan iaitu MTAC Diabetes dan MTAC Geriatrik.


6.2. MTAC adalah perkhidmatan yang disediakan untuk meningkatkan tahap dan kualiti penjagaan farmaseutikal terhadap pesakit dengan peningkatan tahap kepatuhan pesakit kepada ubat.

6.3. Skop perkhidmatan termasuk medication review, mengenalpasti isu penjagaan farmaseutikal, mendidik dan kaunseling kepada pesakit atau/ dan waris.


6.4. **Rajah 11** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan kaunseling dan lawatan susulan yang dilakukan bagi MTAC Diabetes** dari tahun 2022 sehingga 2024. Terdapat peningkatan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 berikutan sesi DMTAC tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya susulan pemindahan sementara Farmasi Pesakit Luar ke JPL mulai 30 Mac sehingga 23 Mei 2024 dan JPL juga berpindah lokasi sementara di Dewan CME.

6.5. **Rajah 12** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan kaunseling dan lawatan susulan bagi MTAC Geriatrik** pada tahun 2022 - 2024. Terdapat peningkatan dalam bilangan kaunseling susulan GMTAC pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya disebabkan sesi GMTAC masih dapat dilaksanakan seperti biasa walaupun penempatan sementara Klinik Pakar di unit Pengurusan.

Rajah 11



Rajah 12



7. Aktiviti Pusat Maklumat Ubat


7.1. Pertanyaan mengenai ubat-ubatan akan dijawab oleh Pegawai Farmasi dengan berpanduan buku rujukan yang sedia ada.

7.2. Antara sumber rujukan yang digunakan:

- 7.2.1. Micromedex
- 7.2.2. MIMS database
- 7.2.3. Lexi-comp Drug Information Handbook
- 7.2.4. Medscape
- 7.2.5. Formulari Ubat KKM
- 7.2.6. Formulari Hospital Sungai Siput
- 7.2.7. CPG
- 7.2.8. National Antibiotic Guideline

7.3. **Rajah 13** menunjukkan pencapaian **pertanyaan yang diterima** di Farmasi Pesakit Luar dan Pesakit Dalam bagi tahun 2022 - 2024. Didapati trend peningkatan ketara pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 berikutan susulan teguran audit ADAF dan tindakan penambahbaikan dilaksanakan untuk dokumentasi pertanyaan diterima daripada profesional kesihatan KKM dan orang awam.

Rajah 13



B. FARMASI PESAKIT DALAM

1. Aktiviti Pembekalan Ubat-ubatan kepada Pesakit Dalam dan Wad / Unit


1.1. Sistem pembekalan unit dos telah dilaksanakan secara 100% di Hospital Sungai Siput. Selain itu, stok ubat-ubatan turut dibekalkan ke wad dan unit secara tradisional, pembekalan *floor stock*, *after office hour* dan item *emergency trolley*.

1.2. **Rajah 14** menunjukkan **perbandingan jumlah bilangan preskripsi pesakit dalam secara UDS dan preskripsi discaj yang diterima** daripada wad dari


tahun 2022 sehingga 2024. Daripada carta dapat diperhatikan bahawa bilangan preskripsi UDS yang diterima pada tahun 2024 didapati menurun sedikit berbanding tahun 2023 berikutan pengurangan bilangan katil di wad susulan pemindahan sementara wad secara bergiliran ke unit modular pada tahun 2024.

1.3. **Rajah 15** merupakan carta perbandingan jumlah bilangan item ubat yang dibekalkan kepada wad / unit secara UDS, discaj dan bekalan tradisional dari tahun 2022 sehingga tahun 2024.

Rajah 14



Rajah 15




2. Aktiviti Penyediaan Ubat-ubatan secara Bukan Steril (Galenikal dan Ekstemporanus)

2.1. Farmasi Pesakit Dalam menyediakan sesetengah ubat-ubatan secara bukan steril, iaitu secara galenikal ataupun ekstemporanus.

2.2. Penyediaan ini dilakukan oleh Penolong Pegawai Farmasi di bawah seliaan Pegawai Farmasi. Aktiviti ini dijalankan mengikut keperluan.

2.3. **Rajah 16** menunjukkan perbandingan **bilangan sediaan bukan steril** (ekstemporanus, internal, dan eksternal yang disediakan dari tahun 2022 sehingga 2024.

Rajah 16




3. Aktiviti Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan kepada Pesakit Dalam Wad

3.1. Terdapat 2 jenis perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan disediakan kepada pesakit dalam iaitu *Bedside Counselling* dan *Discharge Counselling*.


3.2. **Rajah 17** merupakan carta jumlah **bilangan *Bedside Counselling* dan *Discharge Counselling*** yang telah dilakukan pada tahun 2024.

3.3. **Rajah 18** menunjukkan trend perbandingan bagi jumlah **bilangan *Bedside Counselling* dan *Discharge Counselling*** yang telah dilakukan dari tahun 2022 sehingga tahun 2024. Didapati bilangan kaunseling dilakukan dalam tahun 2024 mengalami trend penurunan berbanding tahun sebelumnya berikutan pengurangan bilangan kemasukan pesakit ke wad susulan projek sesalur udara dan sistem pengudaraan di Hospital Sungai Siput.

Rajah 17



Rajah 18



4. Aktiviti Farmasi Wad / Klinikal


4.1. Aktiviti Farmasi Wad / Klinikal adalah selaras dengan konsep Penjagaan Farmaseutikal iaitu amalan farmasi yang berorientasikan *outcome* dan berfokuskan pesakit.

4.2. Aktiviti farmasi wad merangkumi *medication history taking, case clerking, pharmacotherapy rounds, medication reviewing, medication reconciliation, medication counseling* dan *discharge planning*.


4.3. **Rajah 19** menunjukkan perbandingan **bilangan CP1 dan CP2** yang telah dilakukan dari tahun 2022 sehingga tahun 2024.

4.4. **Rajah 20** menunjukkan perbandingan **bilangan CP4** yang telah dilakukan dari tahun 2022 sehingga tahun 2024.

Rajah 19



Rajah 20




5. Aktiviti Farmakokinetik Klinikal – Pemonitoran Ubat Terapeutik (TDM)

5.1. Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal – Pemonitoran Ubat Terapeutik (TDM) adalah suatu perkhidmatan disediakan untuk memantau paras ubat dalam badan dengan tujuan menguji paras terapeutik ubat, paras ketoksikan ubat, mengesan komplians pesakit, dan seterusnya mengubahsuai dos ubat atau regimen.

5.2. Hospital Sungai Siput tidak menjalankan analisis sampel darah. Kesemua sampel darah TDM akan dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh untuk dijalankan analisis.

5.3. **Rajah 21** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan pemantauan kes TDM** yang dijalankan dari tahun 2022 sehingga 2024.


Rajah 21


6. Aktiviti Pelaporan Kejadian Adverse Drug Reaction (ADR)

6.1. Sebarang kejadian ADR yang dikesan oleh anggota kesihatan di Hospital Sungai Siput akan dimaklumkan kepada Pegawai Farmasi. Kejadian tersebut akan dilaporkan secara bertulis dan online kepada pihak MADRAC (*Malaysian Adverse Drug Reaction Advisory Committee*).

6.2. **Rajah 22** menunjukkan **bilangan pelaporan kejadian ADR** dari tahun 2022 hingga 2024. Didapati trend peningkatan dalam tahun 2024 berbanding tahun lepas bergantung pada pelaporan ADR yang diberikan oleh profesional kesihatan. Walaubagaimanapun, pelaporan ADR tahun 2024 ini berjaya mencapai sasaran tahunan ditetapkan iaitu 40 kes setahun.

Rajah 22



7. Aktiviti Keselamatan Pengubatan dan Pelaporan Kejadian Medication Error (ME)


7.1. Aspek keselamatan pengubatan merupakan salah satu aspek yang penting dalam keselamatan pesakit (*patient safety*).

7.2. Beberapa aktiviti dijalankan oleh pihak farmasi sebagai usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan pengubatan. Antaranya ialah pemberian ceramah, pameran dan kursus yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran dan ilmu pengetahuan di kalangan anggota kesihatan hospital dengan membudayakan amalan pengubatan yang selamat. Selain daripada itu, kad alahan akan dikeluarkan kepada pesakit yang dikesan mempunyai alahan ubat dan kejadian *Medication Error* digalakkan untuk dilaporkan.


7.3. **Rajah 23** merupakan carta perbandingan bagi **aktiviti keselamatan pengubatan** yang telah dijalankan dari tahun 2022 sehingga 2024.

7.4. **Rajah 24** pula menunjukkan **bilangan pelaporan medication error (ME)** yang telah dilaporkan dari tahun 2022 sehingga 2024. Terdapat penurunan ketara pada pelaporan ME pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 berikutan anggota kesihatan lebih berwaspada ketika melaksanakan tugas rutin di unit.

Rajah 23



Rajah 24




8. Klinik Berhenti Merokok

8.1. Klinik Berhenti Merokok mula beroperasi sejak bulan Ogos 2011 di Hospital Sungai Siput.

8.2. Pasukan kesihatan Klinik Berhenti Merokok ini terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan, Jururawat, dan Penolong Pegawai Perubatan. Pegawai Farmasi hanya memainkan peranan penting dalam memberi kaunseling dari segi farmakoterapi kepada pesakit.

8.3. **Rajah 25** menunjukkan ada peningkatan pencapaian pesakit hadir pada temujanji pertama dan dimulakan farmakoterapi dalam Klinik Berhenti Merokok Hospital Sungai Siput pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya berikutan ada kesedaran pesakit untuk penuhi temujanji yang diuruskan oleh pihak hospital.

Rajah 25




C. FARMASI LOGISTIK

1. Pengurusan / Pengendalian Stok


- 1.1. Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput menguruskan perolehan, penyimpanan, dan pengeluaran barangan kepada kesemua unit pemesan di hospital ini.
- 1.2. Secara umumnya, stok barangan yang dikendalikan oleh pihak Farmasi Logistik adalah merangkumi stok ubat-ubatan, bukan ubat (*disposable & consumables*) dan gas perubatan.
- 1.3. **Rajah 26** menggambarkan perbandingan aktiviti penerimaan stok dari segi jumlah **bilangan penerimaan stok** dari tahun 2022 sehingga 2024 di Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput manakala **Rajah 27** menunjukkan perbandingan aktiviti penerimaan stok dari segi jumlah **nilai penerimaan stok** dari tahun 2022 sehingga 2024.

1.4. Daripada **Rajah 28** dan **Rajah 29** pula menunjukkan aktiviti pengeluaran stok dari segi jumlah **bilangan pengeluaran stok** dan jumlah **nilai pengeluaran stok** dari tahun 2022 sehingga 2024.


Rajah 26




Rajah 27



Rajah 28



Rajah 29



2. Pengurusan Peruntukan dan Perbelanjaan

2.1. Jadual yang berikut menggambarkan jumlah peruntukan yang diterima dan jumlah perbelanjaan bersih oleh Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput pada tahun 2024;

Bil	OL	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Bersih (RM)
1.	27404	Vaksin	9,000.00	8,990.90
2.	27401	Ubat	3,323,172.39	3,317,826.00
3.	27499	Bukan Ubat	707,000.00	706,684.82
4.	27402	Gas Perubatan	204,000.00	203,999.55
5.	27501	X-Ray	47,500.00	47,100.00
Jumlah Keseluruhan (RM)			4,290,672.39	4,284,601.27

2.2. **Rajah 30** menunjukkan perbandingan jumlah **peruntukan yang diterima** dari tahun 2022 sehingga 2024. Didapati kesemua peruntukan tersebut telah berjaya dibelanjakan sebanyak 99.85% pada tahun 2024.


Rajah 30


3. Kadar Pusingan Stok Tahunan (KPS)

3.1. Prestasi pengurusan stor dapat dinilai dari segi pencapaian Kadar Pusingan Stok Tahunan.

3.2. **Rajah 31** menunjukkan carta perbandingan **kadar pusingan stok tahunan** dari tahun 2022 sehingga 2024. Kadar Pusingan Stok Tahunan yang ideal adalah perlu melebihi 4. Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput telah berjaya mencapai sasaran tersebut dari tahun 2022 hingga 2024. Ini menunjukkan sistem pengurusan stor di Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput berada dalam prestasi cemerlang serta cekap menguruskan bekalan stok bagi memenuhi keperluan kesemua unit/wad di Hospital Sungai Siput.

Rajah 31



11. PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2025

A. AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

FOKUS 1: TADBIR URUS CEKAP PRODUKTIVITI MENINGKAT		
STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN BUDAYA AKAUNTABILITI ANGGOTA FARMASI DAN KOMUNIKASI TERBUKA		
INISIATIF 1: Mengoptimalkan Penggunaan Platform Komunikasi Digital Sedia Ada (Intranet Pharmacy) Dalam Penyampaian Maklumat		
Aktiviti 1: Memastikan Kandungan Intranet Pharmacy (Berkaitan Dengan BAPF) Sentiasa Dikemaskini		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus bahan kandungan yang dimuat naik di <i>Intranet Pharmacy</i> Negeri	100% bahan kandungan dimuat naik di <i>Intranet Pharmacy</i>	1. Mengemaskini kandungan mengikut keperluan dan muat naik dalam komuniti <i>Intranet Pharmacy</i> Negeri 2. Mengemaskini database Pegawai Farmasi Logistik

INISIATIF 2: Pengukuhan Pelaksanaan Medicine Access Schemes (MASc) di Fasilitas KKM

Aktiviti 1: Pemantauan Pelaksanaan MASc Yang Telah Diluluskan di Peringkat Negeri

Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus permohonan MASc yang diluluskan dilaporkan	100% permohonan MASc yang diluluskan dilaporkan	- Membuat pemantauan pesakit dari segi keberkesanan dan keselamatan rawatan menggunakan ubat-ubatan yang ditawarkan secara MASc. - Membuat laporan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan yang ditawarkan secara MASc kepada BPF Negeri.

FOKUS 1: TADBIR URUS CEKAP PRODUKTIVITI MENINGKAT

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN PENGURUSAN SISTEM/ DATA BERKAITAN PRAKTIS FARMASI

INISIATIF 1: Memantapkan Pharmacy Information System (PhIS) Sebagai Sistem Utama Pengurusan Amalan Farmasi

Aktiviti 1: Pemantauan Penggunaan Sistem PhIS

Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus pencapaian sasaran penggunaan semua modul PhIS yang ditetapkan	100% mencapai sasaran penggunaan semua modul PhIS yang ditetapkan ($\geq 95\%$)	Memantau pencapaian pelaksanaan PhIS di peringkat fasiliti

Aktiviti 2: Penghasilan Panduan Memudahkan Penggunaan Sistem PhIS

Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan panduan memudahkan	Satu (1) panduan dihasilkan dan	Memastikan fasiliti menyimpan panduan yang diperlukan

penggunaan sistem bagi setiap modul	diedarkan (Edaran pada Julai 2025)	
Aktiviti 3: Penghasilan Panduan Bagi Penyelarasan Stok Sistem PhIS Dengan Fizikal		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan Panduan <i>Stok Adjustment</i> dan <i>Own Consumption</i> dihasilkan	Satu (1) panduan diwujudkan dan diedarkan untuk rujukan dan penyeragaman praktis di Unit Farmasi negeri Perak (Edaran pada Jun 2025)	Memastikan fasiliti menyimpan panduan yang diperlukan
Aktiviti 4: Memantapkan Pengurusan Ubat-ubatan di Kaunter Melalui Pemeriksaan Stok Ubat di Level 3		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus pelaksanaan pemeriksaan stok ubat di kaunter farmasi	100% pemeriksaan stok ubat di Level 3 (FPL dan FPD) dilaksanakan	1. Lantikan pegawai pemeriksa. 2. Melaksanakan pemeriksaan stok ubat di kaunter farmasi mengikut garis panduan yang ditetapkan.
Peratus pencapaian skor dalam pemeriksaan stok level 3	Pencapaian skor baik (>90%)	3. Menyediakan laporan pelaksanaan pemeriksaan. 4. Mengemukakan laporan pemeriksaan ke BPF Negeri (sebelum 30 Julai 2025).
Aktiviti 5: Mengoptimalkan Aplikasi Modul PhIS Dalam Pengurusan Farmasi Logistik		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus melaksanakan	100% melaksanakan verifikasi data manual	1. Melaksanakan verifikasi data mengikut panduan yang diedarkan.

verifikasi data manual berbanding PhIS bagi Laporan Terperinci	berbanding data PhIS bagi Laporan Terperinci (Ubat – 27401 dan Vaksin – 27404)	2. Menghantar laporan verifikasi ke BPF Perak
Peratus fasiliti yang membuat tawaran ubat lambat bergerak dan hampir luput melalui PhIS	100%	1. Melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh BAPF KKM 2. Membuat edaran tawaran ubat lambat bergerak/hampir luput menggunakan modul berkaitan di PhIS
INISIATIF 2: Pemantapan Pengurusan Data Berkaitan Keselamatan Pengubatan Negeri		
Aktiviti 1: Membangunkan Pangkalan Data		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan pangkalan data peringkat negeri dibangunkan bagi: a. Pelaporan ADR/AEFI b. Pelaporan QAP1	Dua (2) pangkalan data dibangunkan: a. Pelaporan ADR/AEFI b. QAP 1	Membuat laporan dalam talian mengikut format
INISIATIF 3: Memantapkan Pengurusan Farmasi Pesakit Dalam		
Aktiviti 1: Memantapkan Piagam Pelanggan Unit Farmasi Pesakit Dalam		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Penglibatan fasiliti dengan kajian masa menunggu troli pengubatan	Satu (1) hospital negeri terlibat dalam kajian masa menunggu troli pengubatan di fasiliti	1. Menjalankan analisa situasi bagi tempoh masa pembekalan ubat ke wad/unit. 2. Menghubungkan tempoh masa pembekalan dengan jenis sistem

		pembekalan sedia ada 3. Mengenal pasti perancangan strategik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam
Aktiviti 2: Memantapkan Pemeriksaan Wad/ Unit di Hospital Negeri Perak		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan laporan analisa terhadap laporan pemeriksaan wad/unit yang digunapakai di fasiliti hospital negeri Perak	Satu (1) laporan Analisa disiapkan dan dibentang dalam mesyuarat yang berkaitan	1. Menjalankan pemeriksaan wad/unit sebanyak tiga (3) kali setahun yang turut melibatkan semua PF/PPF 2. Mengenal pasti masalah dan langkah-langkah penambahbaikan 3. Taklimat dan latihan pelaksanaan senarai semak pemeriksaan wad/unit 4. Sediakan laporan berdasarkan templat dan hantar ke BPF Perak

FOKUS 2: KOMPETENSI MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN		
STRATEGI 1: PENGUKUHAN KOMPETENSI PEGAWAI FARMASI DALAM TEKNIKAL DAN PROFESIONALISME		
INISIATIF 1: Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Farmasi Yang Berkualiti		
Aktiviti 1: Memantapkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Kaunter		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus anggota farmasi di kaunter yang telah menjalani latihan ECHO <i>soft skills</i>	30% anggota farmasi telah diberi latihan ECHO <i>soft skills</i>	Merancang dan mengadakan latihan <i>soft skills</i> (sebelum Oktober 2025)
Aktiviti 2: Menghasilkan Koleksi Kes Simulasi Untuk Latihan ECHO Farmakokinetik Klinikal		

Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan koleksi kes simulasi diwujudkan untuk latihan ECHO perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal di peringkat negeri	Satu (1) koleksi kes simulasi diwujudkan untuk latihan ECHO perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal di peringkat negeri	Menggunakan koleksi kes simulasi semasa latihan ECHO
INISIATIF 2: Pengukuhan Latihan Dalam <i>Evidence Based Medicine</i> (EBM) / <i>Budget Impact Analysis</i> (BIA)		
Aktiviti 1: Melaksanakan EBM/ BIA Bagi Penggunaan Ubat-ubatan di Fasiliti		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan pegawai farmasi yang dilatih dalam EBM	Minimum 1-2 orang pegawai farmasi dilatih	Melaporkan perincian aktiviti latihan bersama senarai pegawai yang telah dilatih kepada BAPF
INISIATIF 3: Pengukuhan Latihan Farmasi Methadone		
Aktiviti 1: Penghasilan Modul Latihan Anggota Farmasi Dalam Pendispensan Methadone		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan Kit Modul Latihan e-Learning Methadone yang dihasilkan	Dua (2) modul latihan e-Learning Methadone dihasilkan dan diedarkan	1. Membuat latihan berpandukan kit modul 2. Memastikan 100% anggota farmasi Methadone telah menjalani latihan e-learning
INISIATIF 4: Pengukuhan Pengurusan Latihan Farmasi Logistik		
Aktiviti 1: Memperkasakan Aktiviti Latihan Anggota Bagi Skop Pengurusan Stor		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan pegawai farmasi menerima	Sekurang-kurangnya dua (2) Pegawai	1. Menghantar pencalonan mengikut kriteria minimum yang ditetapkan

Modul Latihan <i>Intermediate</i> Pengurusan Farmasi Logistik dari KKM	Farmasi menerima Latihan Intermediate Pengurusan Farmasi Logistik peringkat KKM	2. Pegawai Farmasi yang terlibat menghadiri sesi latihan yang dianjurkan oleh KKM
---	---	---

FOKUS 3: PENJAGAAN FARMASEUTIKAL MAMPAN TERAS MASYARAKAT SEJAHTERA		
STRATEGI 1: PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN FARMASI YANG BERKUALITI		
INISIATIF 1: Pemantapan Perkhidmatan Diabetes Mellitus Medication Therapy Adherence Clinic (DMTAC) dan Pharmacy Integrated Community Care (PICC)		
Aktiviti 1: Memantapkan Perkhidmatan DMTAC Melalui Modul/ Sesi Yang Ditetapkan		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus Pesakit Diabetes Mellitus Type II yang mencapai penurunan HbA1c selepas melengkapkan sesi MTAC	70% peserta MTAC mencapai penurunan HbA1c selepas melengkapkan sesi MTAC	1. Pengumpulan data HbA1c dan pelaporan bagi pelaksanaan <i>insulin optimization</i> secara berkala mengikut kluster 2. Pemantauan: 2 kali setahun
INISIATIF 2: Perluasan Program Kenali Ubat Anda		
Aktiviti 1: Meningkatkan Pengetahuan Masyarakat Berkaitan Ubat-ubatan Melalui Pemantapan Pengehakupayaan Masyarakat (<i>Stengthening Community Empowerment</i>)		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan Duta Kenali Ubat Anda (KUA) yang dilatih	1-2 orang Duta KUA baharu	1. Menjalankan promosi untuk menggalakkan penyertaan sebagai Duta KUA 2. Menghantar pencalonan Duta KUA dan memastikan calon

		dapat hadir ke Bengkel TOT Duta KUA Baharu 2025
Sesi libat urus bersama Duta KUA di peringkat Negeri Perak	Dua (2) sesi libat urus bersama Duta KUA Negeri Perak	Memastikan Duta KUA terlibat dalam aktiviti yang dirancang 1. Mesyuarat Bersama Duta KUA Peringkat Negeri Perak Sasaran: 1 kali setahun 2. Program Lawatan Sambil Belajar Duta KUA Negeri Perak
Aktiviti 2: Meningkatkan Penyebaran Maklumat Ubat-ubatan Kepada Masyarakat		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan Aktiviti Penggunaan Ubat Secara Berkualiti kepada Pengguna dilaksanakan (termasuk HMR)	20 aktiviti/ tahun	Melaksanakan aktiviti dan melaporkan ke dalam system IDQUMC
INISIATIF 3: Pemantapan Aktiviti Keselamatan Pengubatan		
Aktiviti 1: Memantapkan Aktiviti Keselamatan Pengubatan di Peringkat Fasilitas		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan senarai inisiatif amalan keselamatan pengubatan farmasi klinikal	Aplikasi satu (1) bahan inisiatif amalan keselamatan pengubatan yang dihasilkan peringkat negeri	Menyampaikan perkhidmatan dengan bahan inisiatif yang disediakan
INISIATIF 4: Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan di Kaunter		
Aktiviti 1: Memberi Pilihan Kepada Pesakit Untuk Menerima Perkhidmatan		

Kaunseling Ubat-ubatan Secara Maya (Virtual)		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan dilaksanakan secara maya	Fasiliti menjalankan sekurang-kurangnya satu (1) kaunseling ubat-ubatan secara maya	1. Mempromosikan dan menawarkan perkhidmatan kaunseling secara maya kepada pesakit yang sesuai 2. Menghantar maklum balas pelaksanaan setiap tiga bulan sebelum 3hb
INISIATIF 5: Memperkukuhkan Perkhidmatan Kaunseling Respiratori		
Aktiviti 1: Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Kaunseling Ubat Pesakit		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus penggunaan video kaunseling respiratori yang dihasilkan oleh KKM	100% fasiliti menggunakan video kaunseling respiratori yang dihasilkan oleh KKM	1. Menggunakan video kaunseling baharu yang dihasilkan 2. Memberi makluman status penggunaan video berdasarkan format pengumpulan data
INISIATIF 6: Memperkukuhkan Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal		
Aktiviti 1: Memantapkan Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal Melalui Pemantauan Pesakit Therapeutic Drug Monitoring (TDM)		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus pemantauan pesakit TDM di hospital tanpa pakar	100% pemantauan dengan sekurang-kurangnya sekali pemantauan dilaksanakan untuk setiap pesakit TDM	1. Melaksanakan pemantauan pesakit TDM. 2. Menghantar maklum balas pelaporan yang ditetapkan.
INISIATIF 7: Memperkukuhkan Perkhidmatan Farmasi Pengeluaran Bukan Steril		
Aktiviti 1: Memantapkan dan Menyeragamkan Amalan Farmasi Pengeluaran		

Bukan Steril di Fasiliti		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Penggunaan Kit ADAF Bukan Steril dihasilkan peringkat negeri	100% penggunaan Kit ADAF Non Steril yang diedarkan (Edaran pada September 2025)	Membuat persediaan ADAF berpandukan kit yang disediakan
INISIATIF 8: Mengoptimalkan Penggunaan Ubat-ubatan		
Aktiviti 1: Memastikan Kesenambungan Penjagaan Farmaseutikal Pesakit Yang Dirujuk Menggunakan Borang Nota Rujukan Pesakit (CP4)		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Pelaksanaan Panduan Rujukan Kaunseling Susulan Menggunakan Nota Rujukan Pesakit (CP4)	100% pelaksanaan Panduan Rujukan Kaunseling Susulan Menggunakan Nota Rujukan Pesakit (CP4)	1. Melaksanakan rujukan CP4 mengikut garis panduan/mekanisme 2. Menghantar maklum balas berkenaan dengan pelaksanaan rujukan CP4
Bilangan pemantauan pelaksanaan rujukan CP4	Dua (2) kali pemantauan pelaksanaan rujukan CP4	
INISIATIF 9: Memantapkan Perkhidmatan Bekalan Ubat ke Wad		
Aktiviti 1: Menghasilkan Panduan Pengendalian dan Pengurusan Ubat Multidose		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Penggunaan Panduan Pengendalian dan Pengurusan Ubat-ubatan Multidose	Penggunaan panduan seragam untuk dirujuk oleh semua fasiliti mulai bulan September 2025	1. Mengedarkan kepada anggota hospital 2. Mengemaskini panduan berdasarkan tempoh yang ditetapkan

INISIATIF 10: Memantapkan Perkhidmatan Bekalan Ubat Pesakit Luar		
Aktiviti 1: Meningkatkan Pendispensan Ubat Susulan Melalui Nilai Tambah (VAS)		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus preskripsi ubat susulan yang didispens melalui Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (VAS)	≥15%	1. Mengenal pasti isu/cabaran pelaksanaan dan merancang strategi yang bersesuaian 2. Memulakan perkhidmatan modified Farmasi Pandu ≤Lalu (termasuk Park&Take) 3. Mempromosikan perkhidmatan VAS kepada pesakit dan petugas kesihatan fasiliti 4. Menghantar laporan pencapaian ke BPF Negeri setiap tiga (3) bulan
Aktiviti 2: Memantapkan Perkhidmatan Lokar Ubat di Fasiliti KKM		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus prestasi penggunaan lokar bagi Perkhidmatan Lokar Ubat	≥ 50%	1. Mengenal pasti isu/cabaran pelaksanaan dan merancang strategi yang bersesuaian 2. Mempromosikan perkhidmatan kepada pesakit dan petugas fasiliti kesihatan 3. Menghantar laporan pencapaian ke BPF Negeri setiap bulan sebelum 5hb
Aktiviti 3: Menilai Semula Perkhidmatan Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) di Negeri Perak		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus penurunan	Peratus penurunan	1. Mengenal pasti isu/cabaran

bilangan preskripsi SPUB yang dirujuk keluar berbanding tahun 2024	pengeluaran preskripsi SPUB mengikut jenis fasiliti: Hospital tanpa pakar - 20%	pelaksanaan dan merancang strategi yang bersesuaian 2. Mempromosikan perkhidmatan VAS sebagai alternatif SPUB kepada pesakit dan petugas kesihatan fasiliti 3. Menghantar laporan pencapaian ke BPF Negeri setiap tiga bulan
INISIATIF 11: Memantapkan Perkhidmatan Farmasi Berhenti Merokok (FBM)		
Aktiviti 1: Memantapkan Kaunseling FBM Baharu dan Susulan		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Nisbah kaunseling baharu dan susulan (pre:post)	1:3 *pre= Bil. Pesakit dimulakan farmakoterapi *post= Bil. Kaunseling farmakoterapi susulan (termasuk kaunseling melalui telefon)	1. Melaksanakan kaunseling FBM mengikut protocol 2. Merancang dan mengenal pasti isu/masalah pelaksanaan serta membuat penambahbaikan yang bersesuaian
INISIATIF 12: Memperkukuhkan Perkhidmatan Farmasi Methadone		
Aktiviti 1: Menghasilkan Kit Rujukan Pantas Bagi Memantapkan dan Menyeragamkan Amalan Farmasi Methadone di Fasiliti		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Penggunaan Kit ADAF Methadone yang dihasilkan	100% guna Kit ADAF Methadone yang dihasilkan	Membuat persediaan ADAF berpandukan kit yang disediakan mulai ogos 2025

FOKUS 3: PENJAGAAN FARMASEUTIKAL MAMPAN TERAS MASYARAKAT SEJAHTERA		
STRATEGI 2: PENGUKUHAN PENJAGAAN FARMASEUTIKAL YANG MENYOKONG KELESTARIAN ALAM SEKITAR		
INISIATIF 1: Perluasan Promosi Program MyMediSAFE		
Aktiviti 1: Pelaksanaan Program MyMediSAFE		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan promosi program MyMediSAFE di fasiliti	Satu (1) promosi program MyMediSAFE dilaksanakan oleh fasiliti setiap 3 bulan	1. Melaksanakan aktiviti promosi program MyMediSAFE 2. Menghantar maklum balas pelaksanaan
Bilangan laporan pelaksanaan program MyMediSAFE Negeri Perak	Satu (1) laporan pelaksanaan program MyMediSAFE Negeri Perak disediakan pada Oktober 2025	Menghantar maklum balas pelaksanaan yang diperlukan

FOKUS 4: AKSES MENCUKUPI PEMBAZIRAN DITANGANI		
STRATEGI 1: PEMERKASAAN PENGURUSAN UBAT-UBATAN BAGI MENGELAK PEMBAZIRAN		
INISIATIF 1: Menilai Semula Pelaksanaan Patient Own Medications (POMs)		
Aktiviti 1: Melaksanakan POMs di Fasiliti		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus bilangan maklum balas input isu/cabaran dan cadangan langkah penambahbaikan untuk analisa situasi pelaksanaan POMs disediakan	100% bilangan maklum balas disediakan dan dihantar ke BPF Perak	1. Memberi input isu dan cabaran pelaksanaan POM's di peringkat fasiliti 2. Mencadangkan langkah penambahbaikan

Peratus pelaksanaan penambahbaikan POMs berdasarkan Garis Panduan POMs	100% fasiliti hospital melaksanakan POMs berdasarkan garis panduan POMs	Melaksanakan POMs seperti yang terkandung dalam garis panduan
INISIATIF 2: Mengukuhkan Perkhidmatan Farmasi Penilaian Ubat-ubatan di Rumah (HMR)		
Aktiviti 1: Mengukuhkan Pengurusan Ubat-ubatan Bagi Mengelakkan Pembaziran		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus fasiliti melaporkan data pembaziran daripada aktiviti HMR	100% fasiliti melaporkan data pembaziran daripada aktiviti HMR	1. Melaksanakan program HMR di fasiliti 2. Melaporkan data pembaziran / input lain melalui sistem IDQUMC

FOKUS 4: AKSES MENCUKUPI PEMBAZIRAN DITANGANI		
STRATEGI 2: KETERJAMINAN AKSES UBAT-UBATAN		
INISIATIF 1: Memantapkan Pengurusan Akses Ubat Kepada Pesakit		
Aktiviti 1: Penyelarasan Isu-isu Berkaitan Akses Ubat Kepada Pesakit		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus maklum balas isu-isu berkaitan akses bekalan ubat di fasiliti KKM dihantar pada masa yang ditetapkan	100%	1. Mengenal pasti isu-isu yang dihadapi berkaitan akses bekalan ubat di fasiliti masing-masing 2. Menghantar maklum balas mengikut tempoh yang ditetapkan

FOKUS 5: PENGURUSAN PUSAT KECEMERLANGAN, PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN YANG DINAMIK DAN BERKUALITI		
STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN FARMASI YANG BERKUALITI		

INISIATIF 1: Menambahbaik Perkhidmatan Farmasi Melalui Penyelidikan		
Aktiviti 1: Memantapkan Perkhidmatan Farmasi Klinikal Melalui Kajian Saintifik dan Kualiti		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus kajian saintifik dilaksanakan sehingga status pendaftaran NMRR berbanding jumlah kajian yang dirancang (mengikut bidang pengkhususan)	100% kajian saintifik perkhidmatan farmasi DMTAC dilaksanakan	Melaksanakan pengumpulan data dan menghantar maklum balas sebelum tarikh yang ditetapkan

B. PENGURUSAN FARMASI

KLUSTER 1: PENGUKUHAN PENGURUSAN & PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN, INOVASI DAN ICT		
INISIATIF 1: MEMANTAPKAN TADBIR URUS PELAKSANAAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI (QIIS) FARMASI		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Memastikan setiap fasiliti farmasi mempunyai projek kualiti yang aktif	1 projek	Menjalankan projek kualiti mengikut sasaran yang ditetapkan
Melaksanakan saringan projek QIIs sebelum dilaksanakan di peringkat negeri / institusi	100% projek baharu disaring sebelum dilaksanakan	Mengisi borang notifikasi bagi setiap cadangan projek baru yang hendak dijalankan

**INISIATIF 2: MEMPERKUKUH PERMOHONAN DAN PENGURUSAN PROJEK
PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR FARMASI**

Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Penggunaan dashboard dan pangkalan data rujukan spesifikasi dan harga peralatan perubatan BP01100	100% penggunaan pangkalan data yang dibangunkan	Memberi maklumat perolehan mengikut format yang disediakan

12. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, perkhidmatan Unit Farmasi dan Bekalan Hospital Sungai Siput yang ditawarkan telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2024. Dalam masa yang akan datang, kami akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan mempelbagaikan lagi perkhidmatan yang sedia ada demi mencapai objektif unit iaitu untuk memastikan penggunaan ubat-ubatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan dengan menggalakkan penggunaan ubat berdasarkan bukti dan memberi terapi yang berkeberkesanan kos (*cost-effective*) serta membekalkan maklumat ubat-ubatan yang berdasarkan bukti.

Disediakan Oleh:

Nurul Akhmam Bt Abdullah,
Ketua Pegawai Farmasi UF14,
Unit Farmasi dan Bekalan,
Hospital Sungai Siput.